



Headline: 18 HARI RUGI RM441,000
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 19 January 2019

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 24

18 HARI RUGI RM441,000

■ **Sindiket tipu TAC sasar individu gemar beli-belah dalam talian**

Hasbi Sidek
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Angka membimbangkan apabila hanya dalam tempoh 18 hari lalu, kerugian dicatat membabitkan kes penipuan Kod Pengesahan Transaksi (TAC) oleh sindiket di negara ini sudah mencecah RM441,000.

Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Saiful Azly Kamaruddin berkata, pada tahun lalu jumlah kerugian akibat kes itu mencecah RM14.9 juta dengan peningkatan sebanyak RM3.3 juta berbanding 2017.

Katanya, modus operandi digunakan sindiket berkenaan adalah menghubungi mangsa menggunakan pelbagai medium sebelum meminta nombor TAC, konon tersalah memasukkan nombor telefon milik mangsa.

"Bagi 2017 sebanyak 202 kes dilaporkan dengan jumlah kerugian RM11.6 juta manakala bagi 2018 sebanyak 392 kes membabitkan kerugian mencecah RM14.9 juta.

"Bagi tahun ini saja iaitu selama 18 hari,

kami menerima 33 laporan dengan jumlah kerugian RM441,000," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat JSJK Bukit Aman, Menara KPJ di sini, semalam.

Beliau berkata, antara individu disasarkan sindiket berkenaan adalah mereka yang sering membeli-belah atas talian dan gemar melayari laman web porno yang mana golongan tersebut banyak mendedahkan maklumat akaun bank dan nombor telefon di laman web.

"Mangsa akan menerima nombor TAC sebelum sindiket menghubungi sama ada melalui panggilan telefon atau mesej dengan menggunakan nombor telefon yang dipintas menggunakan Voice Over Internet Protocol (VOIP).

"Sindiket akan meminta

nombor TAC berkenaan kononnya wang sudah dipindahkan, namun nombor TAC tersalah hantar ke telefon milik mangsa.

"Saya ingin mengingatkan orang ramai jangan sekali-kali menyerahkan nombor TAC yang diterima menerusi SMS kepada orang lain jika tidak membuat sebarang transaksi, sebaliknya mereka perlu terus menghubungi bank," katanya.

